

## **Ketidakselesaian muskuloskeletal (MSD discomfort) dalam kalangan pekerja wanita: kajian awalan di Putrajaya**

### **ABSTRAK**

Ketidakselesaian muskuloskeletal (MSD) adalah salah satu isu kesihatan yang wujud dalam pelbagai jenis pekerjaan di seluruh dunia. Faktor risiko yang menyumbang kepada ketidakselesaian muskuloskeletal (MSD) ini adalah pelbagai seperti faktor fizikal, psikososial dan individu. Namun begitu, majoriti kajian mengenainya bertumpu di negara barat yang berkemungkinan tidak sesuai untuk diaplikasikan di negara lain. Kajian ini dilakukan untuk menyelidik faktor risiko yang menyumbang kepada ketidakselesaian muskuloskeletal (MSD) di Malaysia. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data berkenaan aspek demografi, keseimbangan rumah-kerja, kebolehan kerja, kesihatan mental dan ketidakselesaian muskuloskeletal (MSD). Kadar prevalens ketidakselesaian muskuloskeletal (MSD) adalah 93.4% dalam kalangan pekerja wanita dalam sampel kajian ini. Daripada 333 pekerja wanita yang menyertai kajian ini, masalah ketidakselesaian muskuloskeletal (MSD) yang paling kerap dialami ialah di bahagian leher/bahu (92%), diikuti oleh bahagian lower back (87.5%), lower extremity (hips, bottom, and feet) (82.4%), tangan/jari (75%) dan akhir sekali lengan (57.1%). Hasil kajian juga mendapati faktor risiko seperti keseimbangan rumah-kerja ( $\beta = -.14$ ), kebolehan kerja ( $\beta = .13$ ) dan kesihatan mental ( $\beta = .51$ ) menyumbang kepada ketidakselesaian muskuloskeletal (MSD) dalam kalangan pekerja wanita. Aspek keseimbangan rumah-kerja, kebolehan kerja dan kesihatan mental perlu diambil kira dalam pembentukan dan pelaksanaan pengurusan risiko ketidakselesaian muskuloskeletal (MSD) dalam kalangan pekerja pejabat terutamanya pekerja wanita.